

SOALAN NO: 504

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: YB DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

SOALAN:

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah Kerajaan untuk mengawal syarikat yang tidak membayar gaji minima.

PR-1351- T00533

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, Kerajaan sentiasa memastikan bahawa dasar gaji minimum dipatuhi oleh semua majikan di negara ini supaya para pekerja mendapat manfaat daripada dasar ini. Bagi memastikan majikan-majikan membayar gaji minimum sebagaimana ditetapkan, pihak Jabatan Tenaga Kerja menjalankan pemeriksaan berkanun ke premis-premis majikan di seluruh negara.

2. Bagi tempoh 1 Januari 2014 sehingga 31 Disember 2016, sebanyak 119,803 pemeriksaan berkanun telah dilaksanakan oleh Jabatan Tenaga Kerja. Daripada jumlah ini didapati sebanyak 99% majikan telah mematuhi Perintah Gaji Minimum yang dikuatkuasakan.

3. Bagi tahun 2017, Kementerian Sumber Manusia mensasarkan kira-kira 30,000 lagi premis majikan akan diperiksa bagi memastikan pematuhan kepada Perintah Gaji Minimum.

4. Jabatan Tenaga Kerja juga menyiasat tuntutan kes buruh dan aduan yang difailkan berhubung kegagalan majikan membayar gaji minimum. Dari 1 Januari 2014 hingga 31 Disember 2016, sebanyak 1,959 tuntutan kes buruh difailkan oleh pekerja-pekerja yang mana

622 kes (32%) telah diselesaikan manakala 1,337 kes (68%) masih dalam tindakan Jabatan Tenaga Kerja. Aduan kegagalan majikan membayar gaji minimum yang difailkan di Jabatan Tenaga Kerja mulai 1 Januari 2014 sehingga 31 Disember 2016 ialah sebanyak 2,277 yang mana 2,257 kes (99%) telah diselesaikan dan baki 20 kes (1%) masih dalam tindakan Jabatan Tenaga Kerja.

5. Selain daripada itu, tindakan pendakwaan terhadap majikan yang gagal membayar gaji minimum turut dilaksanakan oleh Jabatan Tenaga Kerja. Bagi tempoh 1 Januari 2014 sehingga 31 Disember 2016, sebanyak 365 fail pendakwaan telah dibuka yang mana 230 kes (63%) telah diberi izin dakwa oleh Penasihat Undang-Undang Jabatan Tenaga Kerja untuk dibawa ke peringkat perbicaraan. Daripada 230 kes yang diberi izin dakwa, 174 kes pendakwaan telah selesai dibicarakan melibatkan 787 pekerja dengan denda yang dikenakan berjumlah RM588,200.00.

6. Di samping itu, Jabatan Perhubungan Perusahaan pula mengendalikan kes-kes pertikaian perusahaan yang melibatkan gaji minimum. Kes-kes pertikaian perusahaan ini adalah berkaitan dengan kebuntuan dalam rundingan Perjanjian Kolektif yang majoritinya melibatkan isu caj perkhidmatan di sektor perhotelan dan restoran susulan pelaksanaan dasar gaji minimum. Bilangan kes pertikaian perusahaan berhubung gaji minimum yang dikendalikan mulai 1 Januari 2014 sehingga 31 Disember 2016 ialah sebanyak 62 kes yang mana 18 kes (29%) telah diselesaikan di peringkat

rundingan damai di Jabatan Perhubungan Perusahaan dan 44 kes (71%) telah dirujuk ke Mahkamah Perusahaan.

Tuan Yang Di Pertua,

7. Di bawah Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Akta 732), majikan-majikan yang gagal membayar gaji minimum boleh dikenakan hukuman seperti berikut:

- i) Bagi kesalahan pertama, hukuman denda tidak melebihi RM10,000 bagi setiap seorang pekerja. Mahkamah juga boleh memerintahkan majikan untuk membayar perbezaan gaji pokok termasuk sebarang tunggakan gaji pokok dan bayaran-bayaran lain;
- ii) Bagi kesalahan berterusan, majikan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM1,000 sehari;
- iii) Bagi kesalahan berulang, majikan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM20,000 atau hukuman penjara tidak melebihi 5 tahun; dan
- iv) Bagi kesalahan-kesalahan yang tidak dinyatakan dalam Akta, majikan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM10,000.

Tuan Yang di-Pertua,

8. Kementerian Sumber Manusia turut mengadakan sesi penerangan mengenai pelaksanaan gaji minimum dalam program-program Kementerian di seluruh negara bagi meningkatkan kesedaran dan pemahaman mengenainya. Sebagai contoh, selepas pewartaan Perintah Gaji Minimum 2016 pada 29 April 2016, Kementerian Sumber Manusia telah mengadakan sesi *roadshow* di seluruh negara untuk memberi penerangan mengenai Perintah Gaji Minimum baharu ini sebelum ia dikuatkuasakan mulai 1 Julai 2016. Sesi ini telah dihadiri oleh majikan, pekerja, wakil persatuan majikan dan wakil kesatuan sekerja.

9. Kementerian menyeru kepada para pekerja yang tidak dibayar gaji minimum agar tampil ke Pejabat Tenaga Kerja yang berhampiran untuk membuat aduan agar tindakan siasatan dapat dijalankan oleh pihak Jabatan Tenaga Kerja.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK KOH NAI KWANG [ALOR GAJAH]

SOALAN : 505

Datuk Koh Nai Kwang [Alor Gajah] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kadar penggunaan stesen keretapi di Batang Melaka dan memberi penjelasan sama ada terdapat rancangan untuk mempromosikan penggunaan memandangkan Kerajaan telah membelanjakan kos yang tinggi untuk menaiktaraf stesen tersebut.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah penggunaan stesen keretapi di Batang Melaka melalui statistik penumpang yang naik dan turun pada tahun 2016 adalah sebanyak 7,136 orang manakala bagi tahun 2017 (Januari – Februari) adalah sebanyak 858 orang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, KTMB sentiasa dari masa ke semasa mempromosikan penggunaan stesen-stesen termasuk Stesen Batang Melaka melalui aktiviti pemasarannya bagi meningkatkan lagi penggunaan perkhidmatan KTMB. Antara aktiviti promosi yang dilakukan adalah seperti berikut:

- i) Mengedarkan *flyers* di kampung, masjid, agensi kerajaan dan swasta bagi mempromosikan Perkhidmatan KTMB; dan
- ii) Mempromosikan tempat-tempat menarik di sepanjang laluan Perkhidmatan KTMB di dalam laman sesawang KTMB.